

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

21 NOV

USM NAIB JOHAN PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA GENDER PERINGKAT KEBANGSAAN 2016



GOMBAK, 21 November 2016 - Universiti Sains Malaysia (USM) hari ini membuat warganya bangga apabila pasukannya telah mendapat Naib Johan untuk Pertandingan Debat Perdana Diraja Gender peringkat kebangsaan tahun 2016.

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dengan kejayaan yang dikecapi ini dan berharap ianya menjadi inspirasi buat pelajar-pelajar lain untuk terus membawa nama USM ke aras yang lebih tinggi.

USM dibarisi dua pendebat yang hebat iaitu pelajar tahun akhir kursus Sastera dengan Pendidikan, Khairuddin Nayan dan pelajar tahun tiga kursus Fizik Perubatan, Ammaina Jamaluddin.

"Saya berasa sungguh gembira kerana ini adalah kali pertama USM berjaya layak ke peringkat akhir pertandingan debat ini dan berpeluang untuk berlawan bersama-sama dengan nama-nama hebat," kata Khairuddin.

Debat ini yang diadakan pada 18-21 November 2016 memberi fokus kepada perbincangan dan perdebatan berkaitan isu-isu gender dalam negara dan antarabangsa dan usul pertandingan akhir adalah berkaitan dengan "keseksamaan gender dijadikan agenda kerjasama serantau".

The poster features the logos of USM (Universiti Sains Malaysia), APEX, and SOARING UPWARDS at the top. The main title is "USM NAIB JOHAN PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA GENDER PERINGKAT KEBANGSAAN 2016". Below this, it states "PENYERTAAN 56 BUAH PASUKAN DARI IPTA DAN IPTS SELURUH MALAYSIA." and "PERTANDINGAN AKHIR 4 IPTA" with a list of participating universities: UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA, and UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA. A URL is provided: <http://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/>. The slogan "KAMI MEMIMPIN | WE LEAD" is prominently displayed, along with the tagline "Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok". Social media links for Facebook, Twitter, Instagram, and YouTube are listed at the bottom, along with the website www.usm.my and the MPRC logo.

Pentas akhir debat ala Parlimen British ini melibatkan empat Universiti Awam iaitu USM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Johan disandang oleh UIAM.

Penyertaan kali ini melibatkan sebanyak 56 buah pasukan dari UA dan Universiti Swasta seluruh Malaysia.

Pertandingan ini adalah anjuran Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW), Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan UIAM.

Turut hadir semasa pertandingan akhir adalah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun.

Teks: Nor Rafizah Md. Zain & Hafiz Meah Ghouse Meah



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my).

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015